



ANUAR ISMAIL

LATAR BELAKANG

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pensyarah Sambilan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Induk, Shah Alam di Fakulti Seni Persembahan pada tahun 2000. Ketika masih di UiTM, beliau ditugaskan untuk mengajar subjek Wayang Kulit dan Makyung.

Beliau berkebolehan dalam memainkan hampir semua alat Muzik Tradisional Kelantan dan ensemble muzik yang ada di Malaysia seperti Wayang Kulit Kelantan, Makyung, Dikir Barat, Menora, Rebana Ubi, Silat Main Peteri, Muzik Ash, dan banyak lagi.

PENCAPAIAN

Di UiTM juga beliau terlibat dengan beberapa program Seni Muzik dan Seni Persembahan seperti Program Citrawarna Malaysia, Hari Kraf Kebangsaan, dan Festival Gendang Malaysia sebagai Pemuzik. Beliau juga terlibat sebagai wakil negara bagi rombongan kesenian ke luar negara seperti Jerman, Jepun, Thailand, India, dan Singapura.

Menurut beliau, muzik tradisional merupakan hak dan jati diri bangsa kita membuatkan beliau melatih anak-anak lelaki dan para pelajar untuk lebih mengetahui muzik tradisional secara teori dan praktikal.

Beliau kini bertugas sebagai Pensyarah di Pusat Seni Pentas Tradisional dalam pembuatan alat Muzik Tradisional Kelantan dan alat Muzik Major (Serunai).